

Tak perlu minta bantuan PM atasi cetak rompak

UM 30 MAR 2002

PETALING JAYA 29 Mac – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, golongan artis tidak perlu meminta campur tangan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah cetak rompak dalam industri muzik tanah air.

Katanya, apa yang lebih penting dilakukan mereka ialah tidak hanya bercakap dan mera-yu sebaliknya bekerjasama rapat dengan pihaknya dalam menyalurkan maklumat mengenai lanun cetak rompak yang terbabit.

“Kalau minta Perdana Menteri selesaikan pun, beliau akan mengarahkan kementerian saya untuk melakukannya.

“Masalahnya sekarang bukan kita tidak buat kerja untuk membanteras cetak rompak ini. Kita telah buat pelbagai cara untuk atasinya.

“Tetapi apa golongan industri muzik buat? Apa artis dan persatuan artis buat untuk membanterasnya? Jangan hanya pandai cakap dan buat rayuan saja,” tegasnya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Telur Emas 24K di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai rayuan penyanyi popular, Siti Nurhaliza yang meminta Perdana Menteri campur tangan selepas album pop etnik terbarunya, *Sanggar Mustika* telah dice- tak rompak tidak sampai sebulan dilancarkan.